



SIARAN MEDIA

KDNK Malaysia dijangka melonjak 6.0 – 7.5% pada tahun 2021

SIARAN MEDIA | 31 MAC 2021



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

KDNK Malaysia dijangka berkembang pada kadar 6.0% - 7.5% bagi tahun 2021 berikutan permintaan luaran yang lebih kukuh dan peningkatan aktiviti domestik, menurut *Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020* oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang diterbitkan hari ini. Ini adalah selaras dengan anggaran Bank Dunia (6.0%) dan Dana Kewangan Antarabangsa (6.5%), di mana kedua-duanya mengunjurkan bahawa Malaysia bakal mencapai salah satu kadar pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di rantau ini.

Yang lebih utama, ekonomi diunjurkan untuk kembali ke tahap pra-pandemik 2019 seawal pertengahan 2021, disokong oleh, antara lainnya, peningkatan permintaan luaran berikutan peningkatan penggunaan teknologi, langka...

pembendungan COVID-19 yang lebih bersasar, pelaksanaan pelan vaksinasi COVID-19 yang kemas dan tersusun, pemulihan keadaan pasaran buruh secara beransur-ansur, pengeluaran sektor pembuatan dan komoditi yang lebih tinggi serta kesinambungan projek infrastruktur awam seperti MRT2, LRT3 dan JENDELA.

Kami juga percaya bahawa langkah fiskal telah dan akan terus memainkan peranan penting dalam respons Kerajaan terhadap pandemik COVID-19 bagi menjamin pemulihan Malaysia pasca-COVID-19, seperti yang diperincikan dalam laporan Fiscal Updates 2020 Kementerian Kewangan yang diterbitkan hari ini. Tindakan segera Kerajaan dalam memperkenalkan pelbagai langkah dasar pada tahun 2020 melalui empat pakej rangsangan berjumlah RM305 bilion (atau 20% dari KDNK) bertujuan bukan hanya untuk meredakan impak krisis, tetapi juga untuk memastikan PKS dan golongan rentan dibantu secukupnya. Bantuan langsung seperti Bantuan Prihatin Nasional (RM16.1 bilion), Program Subsidi Upah (PSU - RM13.0 bilion), Geran Khas PRIHATIN untuk PKS (RM2.5 bilion), dan projek berskala kecil (RM2.9 bilion) telah membantu menyelamatkan pekerjaan dan perniagaan, serta mengehendkan penguncupan KDNK kepada 5.6% pada tahun 2020.

Langkah fiskal tersebut dan dasar yang lain, termasuk peruntukan di bawah Belanjawan 2021, Pakej Bantuan PERMAI dan program PEMERKASA, telah dan akan terus memainkan peranan yang penting dalam membendung pandemik COVID-19 bagi menjamin pemulihan negara pasca-COVID-19.

Terdapat beberapa tanda pemulihan ekonomi yang menggalakkan, termasuk:

1. **Pengekangan yang berkesan bagi gelombang ketiga kes COVID-19 di negara ini**, dengan purata kes harian sekitar seribu sejak seminggu lalu, berbanding lebih lima ribu kes setiap hari pada akhir bulan Januari.
2. **Pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang tersusun dan sistematik**, di mana Fasa 1 untuk barisan hadapan telahpun selesai lebih awal dan melebihi sasaran. Fasa 2 pula akan bermula pada 19 April.
3. **Tanda-tanda yang memberangsangkan di dalam pasaran buruh yang tentunya akan menyokong pemulihan tahap pendapatan dan penggunaan swasta**. Tinjauan FMM-MIER yang diumumkan pada awal bulan Mac menunjukkan bahawa terdapat lebih banyak pekerjaan di sektor pembuatan baru-baru ini, seperti yang dizahirkan menerusi indeks pekerjaan yang meningkat dari 82 pada separuh pertama tahun 2020 kepada 95 pada separuh kedua tahun 2020. Dari segi pengambilan pekerja, 15% majikan telah meningkatkan jumlah pekerja mereka pada akhir tahun 2020, berbanding 6% pada separuh pertama tahun 2020, yang mencerminkan peningkatan sentimen perniagaan.
4. **Peningkatan kadar penempatan pekerja berdasarkan data Skim Insurans Pekerjaan PERKESO**. Pada bulan Mac 2021, bagi setiap 100 orang yang kehilangan pekerjaan, 36 orang berjaya mendapat pekerjaan baharu, berbanding dengan Suku Kedua 2020 (selepas pelaksanaan PKP 1.0), di mana hanya 9 yang berjaya mencari pekerjaan baru. Kerajaan yakin bahawa keadaan akan bertambah baik di dalam beberapa bulan yang akan datang.
5. **Jumlah eksport Malaysia meningkat 17.6% ke RM87.6 bilion, dan jumlah import pula meningkat sebanyak 12.7% ke RM69.7 bilion**, menjadikan lebihan dagangan meningkat 41.6% kepada RM17.9 bilion pada Februari 2021.

Seterusnya, pengesahan Moody's mengenai penarafan Malaysia baru-baru ini dan keputusan FTSE Russell untuk mengekalkan Malaysia dalam World Government Bond Index (WGBI) membuktikan bahawa Malaysia telah melaksanakan tindak balas yang amat tersusun terhadap wabak tersebut, dan mempunyai asas makroekonomi kukuh dan berdaya tahan.

STRATEGI 6R & 5 FOKUS UTAMA UNTUK PEMULIHAN EKONOMI 2021

Kita kini berada di fasa kelima di dalam **Strategi Pemulihan Ekonomi Negara 6R** (*Resolve, Resilient, Restart. Recovery, Revitalise and Reform*). Fasa ini merangkumi pelaksanaan Belanjawan 2021 bernilai RM322.5 bilion, jumlah terbesar dalam sejarah negara, digabungkan dengan Pakej Bantuan PERMAI (RM15 bilion) dan program PEMERKASA (RM20 bilion). Kesemua ini akan mendorong pemulihan ekonomi Malaysia dengan memberi tumpuan kepada fokus utama berikut:

1. **MENGAWAL PENULARAN COVID-19** bagi membolehkan pembukaan ekonomi, berdasarkan penggunaan data dan pendekatan yang lebih bersasar: Langkah- langkah berkaitan termasuk meningkatkan kapasiti PICK; memastikan tiada PKP menyeluruh dan penguatkuasaan SOP yang lebih ketat;
2. **MEMACU PEMULIHAN EKONOMI** bagi terus memelihara kebajikan rakyat dan sektor terjejas: ini termasuk memacu pemulihan ekonomi di peringkat akar umbi melalui, contohnya, pelaksanaan projek berskala kecil, Geran Khas PRIHATIN, Program Subsidi Upah dan kemudahan kredit mikro;
3. **MEMPERKUKUH DAYASAING NEGARA** dengan antara lainnya, meningkatkan digitalisasi, meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam;
4. **MEMASTIKAN AGENDA KETERANGKUMAN** dengan mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah dan ketidaksamaan dalam masyarakat: wanita, belia, orang kelainan upaya, mereka yang kehilangan pekerjaan dan golongan rentan akan diberi tumpuan khusus; dan
5. **MENTRANSFORMASIKAN EKONOMI** kepada aktiviti berasaskan pengetahuan dan berpaksikan inovasi melalui, antara lainnya, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Pelan Transformasi GLC/GLIC.

Empat keberhasilan yang disasarkan oleh Kerajaan untuk tahun 2021 termasuk mencapai imuniti kelompok menjelang Disember 2021 (tiga bulan lebih awal dari jadual); PKP Diperketatkan (PKPD) Bersasar, berdasarkan data dan hanya jika perlu; mendorong pemulihan ekonomi dengan memastikan pembukaan semua sektor ekonomi dan peningkatan penguatkuasaan SOP untuk membendung wabak ini.

Saya yakin bahawa pemulihan ekonomi kita berada di landasan yang tepat dan pelbagai dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan menyumbang kepada pemulihan ekonomi yang kukuh pada tahun 2021, berlandaskan komitmen penuh Kerajaan bagi mencapai konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana hingga panjang.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan

31 Mac 2021

LAMPIRAN 1

KDNK

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

[!\[\]\(2bdfe261b986065ee0ac76460d6528c9_img.jpg\) Petikan Akhbar](#)[!\[\]\(dfbd6b3763a6d1d9afaa974f64e2e4b5_img.jpg\) Foto](#)[!\[\]\(e78f798d4ea5c530c9db49e7d26e6b95_img.jpg\) Video](#)[!\[\]\(23d9fc146e83b5c3013cfa32c784f8d5_img.jpg\) Pengumuman](#)[!\[\]\(c694a3ff3b077d76910920a6a1593ab4_img.jpg\) Laporan LAKSANA](#)[!\[\]\(ec9132f1d27c8919987d92907322654d_img.jpg\) Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BAJET 2022](#)[COVID-19](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[TMK I](#)[KELUARGA MALAYSIA](#)[PENJANA](#)[PRIHATIN](#)[TEAM MOE](#)[HARGA MINYAK](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)